

Khamis, Jan 25 2018

Dasar ekonomi negara teruskan pengukuhan ringgit



Teng Chee Wai

➔ Kenaikan beransur-ansur bolehkan pengeksport disesuaikan diri

Oleh Nurhayati Abillah
nurhayatiabillah@bh.com.my

Ringgit dijangka terus mengukuh kepada purata antara RM3.80 hingga RM3.90 berbanding dolar Amerika Syarikat (AS) tahun ini disokong oleh asas pertumbuhan ekonomi dan dasar negara yang mantap.

Pengarah Urusan Affin Hwang

Asset Management Bhd (Affin Hwang AM), Teng Chee Wai, berkata pengukuhan ringgit secara perlahan dan berperingkat adalah lebih baik berbanding kenaikan secara mendadak.

Ia membantu serta memberi peluang kepada pengeksport menyesuaikan diri dengan situasi itu.

"Kenaikan ringgit secara beransur-ansur membolehkan pengeksport menyesuaikan diri dengan keadaan baharu itu.

"Ringgit sebelum ini berdepan situasi kurang membe-rangsangkan sejak 2015. Sejak peralihan dasar pada 2016, langkah Bank Negara Malaysia (BNM) mengenai pemulangan pendapatan eksport (kembali dalam mata wang tempatan) membantu pengukuhan ringgit secara perlahan-lahan dan berada

pada paras semasa kira-kira iaitu RM3.90 (sedolar)," katanya pada taklimat media mengenai tinjauan pasaran dan prestasi syarikat di Kuala Lumpur, semalam.

Beliau berkata, ringgit sudah mencapai paras psikologi pada RM3.80 dan unit tempatan itu perlu mendapatkan beberapa sokongan lain untuk terus memperlihatkan pergerakan ringgit yang lebih stabil.

PRU-14 tidak beri kesan

Mengulas mengenai kesan Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14), Chee Wai berkata, ia tidak akan memberi kesan ke atas prestasi ringgit kerana prestasi mata wang tempatan itu antara lain akan dipengaruhi dengan asas ekonomi dan risiko lebih rendah.

Selain itu, Chee Wai berkata, pihaknya mengunjurkan pasaran

akan kekal dalam prestasi mem-be-rangsangkan tahun ini dan berada pada paras sihat.

"Kami menjangkakan pasaran agak berisiko, tetapi menjana hasil lebih tinggi pada separuh pertama tahun ini, sementara pelabur akan terus memacu momentum untuk mencapai lebih banyak pulangan dalam tempoh berkenaan.

"Sentimen positif dalam pasaran dan pemulihan dalam harga minyak mentah turut membantu mengukuhkan momentum dan (menyokong) aliran meningkat pasaran," katanya.

Katanya, pertumbuhan dan turun naik (volatiliti) juga dijangka akan meningkat pada separuh kedua 2018, berikutan penyesuaian pasaran dengan pembalikan kitaran pemetongan kadar dengan bank pusat global dijang-

ka akan menaikkan kadar faedah dan memulakan imbalan kira-kira secara beransur-ansur.

Tambahnya, unjuran Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia yang dijangka berkembang 5.5 peratus pada 2018 adalah munasabah dan mampu dicapai.

Sementara itu, mengulas mengenai prestasi syarikat, Chee Wai berkata, Affin Hwang AM berada di landasan untuk mencapai sasaran RM50 bilion Aset Di Bawah Pengurusan (AUA), tahun ini.

"AUA syarikat meningkat sebanyak RM11 bilion pada tahun lalu dan mencatatkan RM47.3 bilion pada akhir Disember 2017.

"Kami berusaha untuk terus mengekalkan pertumbuhan dan membina keupayaan serta pengetahuan sedia ada dengan memanfaatkan kecekapan dalam operasi syarikat," katanya.